

PERANAN BUDAYA DALAM KANDUNGAN STESEN RADIO NEGERI RTM.

Mohd Daly Daud, Rahmahtunnisah Haji Sailin &

Md. Rozalafri Johori

Jabatan Bahasa Inggeris & Komunikasi

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

mohddaly@kuis.edu.my, rahmahtunnisah@kuis.edu.my,
rozalafri@kuis.edu.my

Rosidayu Haji Sabran (PhD)

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

rosidayu@usim.edu.my

ABSTRAK

Radio RTM dikenali sebagai sumber informasi rasmi kerajaan dan juga membawa hiburan kepada pendengar terutama bagi stesen radio negeri. Namun, dalam konteks menjaga dan mempopularkan budaya tempatan, kandungan siaran radio negeri turut menyumbang populariti lantas menjadikannya pilihan untuk didengari. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk merungkai pengaruh peranan budaya dalam kandungan siaran radio negeri yang menyumbang kepada populariti ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan rekabentuk temubual secara mendalam dengan 12 informan yang terdiri daripada pihak pengurusan dan penerbitan rancangan di stesen radio JOHORfm, KEDAHfm, SELANGORfm dan KELANTANfm. Hasil kajian mendapati bahawa peranan budaya dalam kandungan siaran begitu signifikan yang menjadi identiti dalam menarik minat khalayak untuk terus mendengar siaran di stesen radio negeri. Tuntasnya, khalayak tempatan masih terikat dengan konteks budaya dalam menentukan tindakan mereka termasuk dalam memilih siaran radio yang dekat di hati mereka.

Kata kunci: RTM, Budaya, Kandungan siaran, Stesen radio negeri

1. PENGENALAN

Sebelum televisyen diperkenalkan, media penyiaran radio telah dimanfaatkan sepenuhnya, sebagai saluran mendapatkan hiburan dan maklumat bagi orang ramai dan merupakan saluran strategik bagi kerajaan yang memerintah (Misliyah Rusli, 2016). Radio masih kekal sebagai medium pilihan masyarakat bagi mendapatkan maklumat terkini meskipun perlu bersaing dengan platform digital lain. Menurut Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Eddin Syazlee Shith, perkembangan teknologi digital merupakan satu kelebihan dalam mempelbagaikan lagi cara penyampaian maklumat di bawah jenama radio. Tambahnya lagi, medium itu juga memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat kepada rakyat dan ia masih relevan seiring peredaran zaman (Nickyson Nyambar, 2020). Pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan wajar diraikan oleh masyarakat umum dan kerana rancangan radio mampu mewujudkan hubungan erat di antara pihak-pihak berkuasa

dengan rakyat (Sulaiman Masri, 1983). Di Malaysia, radio banyak digunakan untuk mempromosi pembangunan dan mencapai matlamat negara (Guimary, 1974).

Md Azalanshah (2018) pula menyatakan seperti juga BBC, stesen televisyen di Malaysia khususnya penyiaran awam mempunyai peranan yang tidak jauh berbeza. Sebagai contoh, Radio Televisyen Malaysia (RTM) diperkuuhkan dengan piagam pelanggan bagi memastikan rancangan yang dihasilkan mempunyai tahap kualiti yang bermutu tinggi serta selari dengan aspirasi, polisi dan dasar negara. Antaranya termasuklah maklumat yang tepat dan rancangan berunsur pendidikan yang mampu memupuk nilai-nilai murni serta sikap yang positif.

Dalam usaha mengukir populariti stesen radio di RTM, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim menyeru kumpulan pemikir dan penerbitan radio di stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) perlu sentiasa mencari kaedah serta inovasi terbaru bagi memastikan pendengar terus setia bersama stesen itu. Langkah itu penting kerana dunia penyiaran ketika ini berdepan dengan persaingan sengit. (Bernama, 17 November 2011 dalam Mohd Daly et. al., 2011). Walaupun dengan ledakan teknologi maklumat masa kini, terutamanya penggunaan media sosial dalam kalangan penduduk Malaysia malahan di seluruh dunia, radio dikenalpasti masih mempunyai pendengar yang setia kerana kandungan radio yang masih padat dengan maklumat selain memenuhi citarasa pendengar melalui kandungan bercorak hiburan, drama radio, muzik, dokumentari mahupun laporan khas.

Kajian awal media di Malaysia mendapati, citarasa khalayak adalah sangat pelbagai (Asiah Sarji 1995). Kepelbagaiannya telah mewujudkan saluran radio yang khusus untuk memenuhi keperluan etnik yang khusus. Konsep penentu media atau *agenda setting* menggambarkan kekuatan pengaruh media yang berkemampuan memindahkan acara atau berita ke arah pembentukan pendapat awam masyarakat (Misliyah Rusli 2016).

1.1 Maksud Budaya

Kamus Dewan (2010) mendefinisikan budaya sebagai kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir), berkelakuan dan sebagainya. Secara umumnya budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sesuatu kelompok individu dan diwariskan dari generasi ke generasi. Istilah *culture* dalam bahasa Inggeris dikenalpasti berasal daripada bahasa Latin, iaitu *colore /co-ló-re/* yang bermaksud menyediakan dan memelihara. Istilah ini digunakan untuk menjelaskan kreativiti manusia dalam semua aspek kehidupan yang terhasil daripada daya usaha mereka sendiri. Ia juga membawa maksud pemupukan (*cultivation*), iaitu suatu proses memupuk atau membentuk minda manusia. (William L. Reese. 1980)

Namun begitu, terdapat banyak maksud budaya yang dikemukakan oleh para sarjana. Koentjaraningrat (1970) berpendapat istilah budaya berasal dari bahasa Sanskrit “buddhayah” iaitu kata jamak dari perkataan “buddhi” yang bererti budi atau akal. Dengan demikian, kebudayaan dapat dinterpretikan sebagai hal-hal yang bersangkutan dengan akal. Geertz (2009) pula menyatakan budaya merangkumi semua peraturan hidup yang tercipta dan berakar-umbi daripada sejarah, baik yang tersurat mahupun yang tersirat, rasional dan tidak rasional, yang ada pada suatu waktu serta menjadi pedoman yang berpotensi terhadap perilaku manusia.

Zainal (1985) menegaskan bahawa budaya meliputi segala-gala yang terdapat dalam masyarakat termasuk segala gagasan (idea), alatan (material), dan bentuk pengucapan (*expression*). Secara mudahnya, kebudayaan adalah segala ciptaan dan warisan hidup bermasyarakat. Budaya merangkumi pemikiran tradisi dan nilai-nilai yang berkaitan, ia adalah hasil daripada aksi-aksinya, ia dipelajari, dikongsi dan dipindahkan dari satu generasi ke generasi selepasnya, serta ia menguruskan kehidupan dan membantu mentafsir kewujudan tersebut. Budaya juga adalah kaedah bagaimana manusia belajar bertindak dalam menghadapi permasalahan kehidupannya (Geertz, 2009). Thomas J. Sullivan (1997) dalam Imam (2015) menyatakan bahawa budaya merujuk kepada tradisi, adat dan perlakuan seseorang. Tambahan pula, budaya adalah suatu sikap dan tingkah laku yang diamalkan oleh sekumpulan besar masyarakat dan biasanya berkomunikasi dari satu generasi ke satu generasi.

1.2 Radio RTM

Radio Televisyen Malaysia (RTM) menawarkan 33 stesen radio untuk pendengar di negara ini dengan enam darinya adalah radio nasional, 14 radio negeri manakala 13 yang lain merupakan radio tempatan (jadual 1 dan 2).

Jadual 1: Radio Nasional

| Frekuensi | Stesen | Bahasa | Bil Pendengar (2017) |
|-----------|----------------|----------|----------------------|
| 87.7 MHz | Radio KLASIKfm | Melayu | 1,079,085 |
| 88.5 MHz | NASIONALfm | Melayu | 322,927 |
| 91.1 MHz | ASYIKfm | Melayu | 154,675 |
| 90.3 MHz | TRAXXfm | Inggeris | 94,965 |
| 89.3 MHz | AIfm | Mandarin | 463,480 |
| 92.3 MHz | MINNALfm | Tamil | 1,264,292 |

Jadual 2: Radio Negeri dan Radio Tempatan

| Negeri | Stesen Radio | Radio Tempatan |
|--|--------------|----------------|
| Perlis | PERLISfm | |
| Kedah | KEDAHfm | LANGKAWIfm |
| Pulau Pinang | MUTIARAfmm | |
| Perak | PERAKfm | |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan | KLfm | LABUANfm |
| Selangor | SELANGORfm | |
| Negeri Sembilan | NEGERIfm | |
| Melaka | MELAKAfm | |
| Johor | JOHORfm | |
| Pahang | PAHANGfm | |
| Terengganu | TERENGGANUfm | |
| Kelantan | KELANTANfm | |

| | | |
|---------|-----------|---|
| Sarawak | SARAWAKfm | REDfm, WAIfm, SIBUfm, MIRIfm, SRIAMANfm, BINTULUfm, LIMBANGfm |
| Sabah | SABAHfm | SABAH Vfm, KENINGAUfm, SANDAKANfm, TAWAUfm |

Untuk kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan empat buah stesen radio negeri iaitu KEDAHfm, SELANGORfm, JOHORfm dan KELANTANfm.

1.3 KEDAHfm

Sejarah KEDAHfm bermula pada tahun 1968 apabila seorang wakil ditempatkan di Bangunan Persekutuan, Alor Setar untuk membuat liputan, rakaman dan temuramah mengenai apa jua peristiwa yang berlaku di negeri Kedah untuk stesen Radio Malaysia Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Pada tahun 1979, sebuah stesen sementara yang dikenali sebagai Radio Malaysia Alor Setar (RMAS) telah ditubuhkan di Wisma Persekutuan, Alor Setar. Pada tahun 1992, Radio Malaysia Alor Setar telah berpindah dan bersiaran di bangunannya sendiri di Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Abdul Halim hingga ke hari ini. Kompleks ini telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Kedah pada 8 Februari 1992.

Pada 12 November 2005, KEDAHfm telah melancarkan siaran 24 jam. Majlis gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Kedah dan turut dihadiri Menteri Penerangan Malaysia, YB Datuk Seri Panglima Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir.

Pada 2007 Radio Online KEDAHfm telah dibangunkan untuk para pendengar di luar negeri Kedah atau negara Malaysia. Sambutan yang diterima begitu menggalakkan di mana pendengar boleh menerima siaran KEDAHfm dengan menggunakan domain <https://kedahfm.gov.my>.

1.4 SELANGORfm

Pada awal penubuhannya (1982), stesen ini dikenali sebagai Radio Malaysia Kawasan Tengah (RMKT) dan berpusat di Wisma Radio Angkasapuri, Kuala Lumpur dengan gelombang siaran 98.3 FM Mono. Radio Malaysia Kawasan Tengah adalah milik tiga buah negeri iaitu Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Pahang Darul Makmur.

Perubahan nama dilakukan apabila Negeri Sembilan mempunyai stesen radionya sendiri iaitu Radio 3 Seremban. Mengambil sempena nama ibu negeri Selangor, stesen radio bagi negeri Selangor kemudiannya diberi nama Radio 3 Shah Alam. Perasmianya telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Selangor ketika itu iaitu Tan Sri Haji Muhammad Haji Mohd Taib pada 16 Ogos 1990. Siaran Radio 3 Shah Alam dipancarkan melalui 100.9 MHz.

Pada 16 Mei 1991, Radio 3 Shah Alam telah berpindah dari pusat operasinya di Wisma Radio, Angkasapuri ke Aras 4 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam. Pada 1 Januari 1993, siaran Radio 3 Shah Alam telah dilanjutkan kepada 18 jam sehari bermula jam

6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam melalui gelombang FM Stereo sepenuhnya. Walaupun sasaran utamanya adalah penduduk negeri Selangor, tetapi siaran ini juga boleh diikuti dengan jelas oleh penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak Selatan, Pahang Barat dan sebahagian Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Sebagai menyambut saranan dari Kementerian Penerangan Malaysia dan penyelarasan semua stesen-stesen radio negeri seluruh Malaysia, Radio 3 Shah Alam turut diubah namanya menjadi Radio Malaysia Selangor pada 31 Ogos 1998. Sebagaimana stesen lain, Radio Malaysia Selangor bertindak sebagai sebuah media kerajaan yang berfungsi memberi maklumat dan hiburan selain sebagai jambatan yang mampu merapatkan hubungan pelbagai hala antara agensi kerajaan dan swasta dengan rakyat. Pada 1 April 2005, di bawah Program Penjenamaan Semula RTM, kesemua 32 stesen radio RTM telah bertukar nama. Radio Malaysia Selangor mula dikenali sebagai SELANGORfm dan detik ini telah menjadi titik tolak bermulanya segala perubahan yang dilakukan terhadap rancangan dan cara penyampaian di SELANGORfm. Majlis Pelancaran Pengenalan Semula SELANGORfm telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamad Khir Toyo pada 19 Jun 2005. Namun pada 18 April 2008, akibat perubahan kuasa politik di Selangor telah menyebabkan SELANGORfm diarahkan kembali berpindah ke ibu pejabat di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Kini SELANGORfm beroperasi dari bangunan IPTAR Angkasapuri, Kuala Lumpur.

1.5 JOHORfm

Pada awalnya stesen ini dikenali sebagai Radio Malaysia Kawasan Selatan untuk pendengar di negeri-negeri wilayah selatan iaitu Melaka dan Johor. Pada tahun 1966, stesen Johor Bahru telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Johor, Sultan Sir Ismail ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Stesen di Johor Bahru ini kemudiannya menjadi ibu pejabat RTM Kawasan Selatan pada tahun 1971.

Dengan slogan ‘Permata Selatan’, stesen radio ini beroperasi sepenuhnya dalam Bahasa Melayu dan bersiaran selama 18 jam sehari dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. JOHORfm dapat diikuti melalui tiga frekuensi iaitu 101.9fm, 105.3fm dan 92.1fm. Pada Ogos 1988, siaran RMJB ini mula disiarkan melalui FM stereo. Setahun kemudian, siaran radio kawasan dan tempatan mula dikenali sebagai Radio 3 di mana Radio 3 Kawasan Selatan (Siaran Kawasan) manakala Radio 3 Johor Bahru (Siaran Tempatan).

Pada tahun 1994, Stesen RTM Johor dan FMJB mula bersiaran dari bangunan baru iaitu Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar. Kompleks yang menempatkan Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan dan Stesen Pemancar Johor Bahru ini didirikan di kawasan seluas lebih 30 hektar dan berhampiran dengan bandaraya Johor Bahru. Kompleks ini telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Johor, Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail pada tahun 12 April 1997.

Pada Ogos 1998, nama Radio 3 Johor telah ditukar kepada Radio Malaysia Johor. Nama stesen kekal digunakan hingga tahun 2005. Setelah itu, stesen radio ini ditukar namanya kepada JOHORfm Permata Selatan dan pelancarannya telah dilakukan oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato Hj Abdul Ghani Othman, berikutan penjenamaan semula stesen radio RTM.

1.6 KELANTANfm

KELANTANfm merupakan salah sebuah stesen radio negeri di Malaysia yang diselenggarakan oleh RTM Negeri Kelantan. Dengan memilih slogan ‘Penuhi Citarasa Anda’, siarannya boleh didengari di seluruh negeri Kelantan dan juga kawasan sempadan seperti Jerteh di Terengganu dan Lipis di Pahang serta Golok di selatan negara Thailand.

Radio Malaysia Kota Bharu memulakan operasinya pada 16 November 1963. Perasmianya telah disempurnakan oleh Sultan Kelantan ketika itu, Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim Petra pada 6 November 1964. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abd. Razak, Menteri Penerangan dan Penyiaran Malaysia dan serta YAB Menteri Besar Kelantan, Muhammad Asri. RTM Kota Bharu merupakan stesen RTM pertama di Malaysia yang mempelopori siaran daerah yang disiarkan beberapa jam sehari dan mendapat sambutan daripada segenap lapisan masyarakat. Radio Malaysia Kota Bharu merupakan stesen pertama yang mulakan siaran daerah kawasan timur berbanding dengan negeri-negeri lain dan berita daerah disampaikan dalam loghat Kelantan.

Pada tahun 1993, RTM telah mengubah polisinya daripada tiga siaran iaitu siaran kebangsaan, daerah dan tempatan kepada siaran kebangsaan dan negeri. Sehubungan dengan itu, nama stesen telah ditukar kepada Radio 3 Kota Bharu. Pada tahun 1996, nama Radio 3 Kota Bharu telah ditukar kepada Radio Malaysia Kelantan selari dengan penyusunan semula stesen radio negeri-negeri di seluruh negara. RMK boleh diterima siarannya melalui FM stereo dan Gelombang Sederhana di negeri Kelantan, Hulu Terengganu dan Selatan Thailand.

Pada 1 April 2005, sempena Penjenamaan Semula Radio Malaysia, nama Radio Malaysia Kelantan ditukar kepada KELANTAN fm. Pada 17 Jun 2005, Menteri Penerangan ketika itu, Yang Berhormat Dato’ Sri Abdul Kadir Syeikh Fadzir mengumumangkan siaran KELANTAN fm dilanjutkan dari 18 jam kepada 24 jam mulai 1 Ogos 2005.

2. KAEADAH KAJIAN

Kajian ini mengumpul data menggunakan kaedah kualitatif dengan rekabentuk temubual secara mendalam. Temubual ini membabitkan 12 informan yang terdiri daripada pihak pengurusan dan penerbitan rancangan di empat stesen radio negeri RTM iaitu Johor FM, Kedah FM, Selangor FM dan Kelantan FM (rujuk jadual 3).

Menurut Mohd Najib (2003), melalui kaedah temubual, pengkaji akan memperolehi data yang lebih terperinci dan fokus. Informan yang dipilih untuk ditemubual adalah berdasarkan kepada pembabitan mereka dalam industri radio. Dalam konteks kertas kerja ini, pemilihan informan adalah secara bertujuan kerana kajian ini memerlukan maklumat secara khusus tentang keupayaan radio RTM sebagai medium penyampaian maklumat yang berkesan kepada audien. Soalan-soalan temubual dikemukakan secara berstruktur agar temubual dapat dilakukan dengan efektif dan jawapan yang diterima lebih mendalam dan secara semulajadi.

Wimmer dan Dominick (2003) menyatakan bahawa kaedah temubual sebagai satu kaedah yang unik atas justifikasi berikut; (i) menggunakan sampel yang kecil, (ii) jawapan responden boleh

dijadikan soalan; dan (iii) tidak mempunyai limit masa untuk menjalankan sesi temubual. Menurut Mokhtar (2011) reka bentuk kajian kualitatif boleh digunakan untuk menerangkan status terkini tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Justeru, kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk.

Jadual 3: Biografi Informan Penerbit

| Kod | Informan | Pengalaman (Tahun) | Radio RTM |
|---------------|------------|-----------------------|------------|
| Informan PJ01 | Penerbit | 15 | JOHORfm |
| Informan PJ02 | Pengurusan | 11 | JOHORfm |
| Informan PJ03 | Penerbit | 8 | JOHORfm |
| Informan PK01 | Penerbit | 35 | KEDAHfm |
| Informan PK02 | Penerbit | 30 | KEDAHfm |
| Informan PK03 | Penerbit | 14 | KEDAHfm |
| Informan PS01 | Pengurusan | 24 | SELANGORfm |
| Informan PS02 | Penerbit | 14 | SELANGORfm |
| Informan PS03 | Penerbit | 12 | SELANGORfm |
| Informan PE01 | Pengurusan | 18 | KELANTANfm |
| Informan PE02 | Penerbit | 6 | KELANTANfm |
| Informan PE03 | Penerbit | 6 | KELANTANfm |


Informan yang ditemubual terdiri daripada 12 orang terdiri daripada mereka yang berada di bahagian pengurusan dan penerbitan rancangan di stesen radio. Kesemua informan memiliki pengalaman lebih daripada 6 tahun dalam industri radio.

3. PERBINCANGAN

Kajian mendapati siaran radio masih lagi relevan dan berperanan sebagai media massa yang memberi pengaruh budaya yang kuat kepada pendengarnya. Empat buah stesen radio yang menjadi fokus kajian ini (JOHORfm, KEDAHfm, SELANGORfm dan KELANTANfm) secara jelas menunjukkan bahawa elemen budaya yang diterapkan dalam kandungan siaran mampu menarik minat pendengar seterusnya menjadi pilihan mereka untuk mengikuti siaran di stesen radio tersebut.

Kajian juga menggariskan lima tema yang mempengaruhi peranan budaya bagi menarik perhatian pendengar di stesen radio RTM negeri. (Rujuk rajah 1).

Rajah 1: Peranan budaya (Tema)



3.1 KEPENTINGAN BUDAYA

Budaya amat penting dalam kehidupan masyarakat moden. Semakin maju sesuatu masyarakat itu, perhatian kepada budaya wajar dipertingkatkan. Sebagai individu yang telah matang dalam industri, informan pastinya arif dengan apa yang boleh dan tidak boleh disiarkan di radio khususnya dari aspek budaya. Pihak RTM sendiri mempunyai garis panduan kepada penyiar berhubung tanggungjawab ini.

Dengan adanya nilai-nilai budaya yang disiarkan di radio, ia telah menyerlahkan lagi keinginan pendengar untuk menghayati kandungan siaran yang diterbitkan. Gambaran senario tersebut adalah sebagaimana berikut:

Seorang penerbit rancangan itu perlu memahami tentang budaya negeri sebelum menerbitkan rancangan di radio negeri, sepetimana dalam visi dan misinya. Budaya, fakta dan hiburan adalah aspek yang sangat penting untuk penghasilan rancangan yang terbaik. (PK01-KEDAHfm,2019)

Pengalaman ini turut dikongsi oleh informan dari KELANTANfm yang mengaitkan kepentingan agama dalam budaya.

Kita nak memperkasakan penerbitan program yang ada kaitan seni budaya sebab Kelantan ni tak boleh dipisahkan dengan agama dan seni budaya. Ini merupakan produk Kelantan, yang kita perlu seiringan dengan ini. (PE01-KELANTANfm,2019)

Kesedaran terhadap kepentingan budaya dalam kalangan informan yang ditemubual begitu terserlah apabila salah seorang informan menyatakan bahawa beliau diminta oleh pengurusan stesen untuk memahami budaya tempatan terlebih dahulu sebelum dibolehkan untuk bersiaran. Lantaran itu, untuk memahami budaya tempatan, informan harus belajar dan bertanya kepada rakan-rakan penyiar dan masyarakat tempatan tentang adat serta budaya tempatan. Pandangan ini dijelaskan seperti berikut:

Kalau macam saya, saya 15 tahun saya dekat Sabah. Bila saya kena balik ke sini tahun ni bulan empat, saya terpaksa belajar balik budaya Johor, pada hal saya orang Johor. Oleh kerana kita dah bermastautin di negeri orang lama sangat, jadi balik Johor ni saya terpaksa study. (PJ01-JOHORfm,2019)

Wan Abdul Kadir (2006) menegaskan bahawa warisan budaya yang telah sekian lama terbina sebagai identiti dapat difahami dalam konteks budaya simbolik iaitu pernyataan budaya yang membawa makna dan kepentingan tersendiri kepada masyarakat Melayu. Melalui anggota-anggota masyarakat membina dan mempertahankan semangat kekitaan. Mereka sebagai kelompok orang kita, berusaha pula mempertahankan identiti dari satu generasi kepada satu generasi.

3.2 PENGGUNAAN DIALEK/LOGHAT

Perkataan dialek dikatakan berasal daripada perkataan Greek, *dialektos* yang menjurus kepada kepelbagaiannya ciri bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan pengguna atau penutur sesuatu bahasa. Menurut Kamus Dewan (2010) pula, dialek ialah satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard. Dialek juga bermaksud pelat daerah atau negeri dan loghat. Penggunaan dialek ini juga dapat dibezakan dari segi sebutan, kosa kata, kata ganti nama, tatabahasa dan gaya lagu bahasa (Abdul Hamid Mahmood, 2006).

Penggunaan dialek atau loghat di stesen radio RTM Negeri begitu meluas bagi menampakkan penyampaian bersahaja gaya tempatan sekaligus menarik minat pendengar untuk mengikuti setiap segmen atau rancangan yang disiarkan. Perkara ini diakui oleh informan yang ditemubual.

Cuma di Kedah ni kita galakkan penggunaan bahasa Kedahlah. Loghat Kedah pun boleh, tapi loghat Kedah ni lebih kurang je. Cuma idgham dia lain sikit. (PK01-KEDAHfm,2019)

Kita more to audience yang tempatan. Kita memang pun sebab dari segi content kita ada macam bahasa, loghat Johor, makanan kemudian apatah lagi yang lagu-lagu tadi tu kan! (PJ03-JOHORfm,2019)

Dialek juga digunakan kerana unsur kedekatan. Apabila wujud unsur kedekatan ini, maka perasaan cinta dan kasih kepada negeri itu akan hadir dengan sendirinya.

'Akok' ni kita kita sembang dalam kita cara penyampaian kita dalam bahasa loghat Kelantan dan ini yang menyebabkan mereka rasa dekat dengan negeri kita. (PE02-KELANTANfm,2019)

Dia lebih nampak locality dan kita boleh mendekati bahasa dia. Loghat-loghat bahasa dia lebih rasa-rasa mesra. Kita boleh bergurau dalam bahasa dia, lenggok dia, boleh budaya dia jadi dia rasa a part of us. Kebersamaan tu. baru dia rasa sense of belonging dia. (PK01-KEDAHfm,2019)

Dalam usaha menarik lebih ramai pendengar mendengar siaran radio RTM Negeri, pendekatan budaya menggunakan dialek atau loghat tempatan ketika bersiaran ini wajar diperluaskan lagi. Rancangan atau segmen yang bercirikan tempatan pastinya lebih menarik jika juruhebahnya mampu menuturkan dialek tempatan tanpa rasa canggung. Pada masa yang sama, penggunaan bahasa Melayu yang standard jangan pula dikesampingkan kerana bahasa Melayu pastinya tetap menjadi keutamaan.

3.3 ADAB

Pada umumnya, perkataan adab cenderung ditakrif sebagai perilaku yang baik, termasuk bersikap sopan dalam apa jua keadaan yang menjadi amalan harian dan perlu diikuti oleh setiap individu Muslim. Walau bagaimanapun, makna istilah ini sangat besar kerana ketinggian adab merupakan cerminan kepada peribadi individu dengan Islam menekankan pendidikan yang sempurna.

Dickson, Hargie dan Saunders (1994) dalam Jamiah (2019) menyatakan bahawa adab dalam berkomunikasi perlu diambil perhatian khusus oleh penerbit dan juga juruhebah radio yang mengendalikan setiap segmen yang berlangsung di konti. Pihak siaran radio sewajarnya mengambil berat tentang sensitiviti para pendengar agar siaran radio yang ke udara benar-benar memberi manfaat kepada pendengar. Hal ini perlu diambil perhatian kerana siaran radio bukan bersifat peribadi. Sebaliknya, ia berbentuk siaran umum dan boleh didengari oleh sesiapa sahaja. Radio berpotensi mendidik masyarakat agar membudayakan adab serta kesopanan yang tinggi. Sehubungan itu, aspek berkenaan sewajarnya dititikberatkan dalam pengendalian sesebuah program radio. Perkara ini dipersetujui oleh informan dengan menyatakan:

Kalau nak kira kualiti yang betul-betul standard, rasanya kalau nak banding dengan radio swasta kita lebih baik sebab kita jaga dari segi adab siaran, adab bahasa, adab dengan pendengar. Jadi itulah yang kita dapat adab pendengar, adab kita di radio pastu adab kita dengan bahasa. (PE03-KELANTANfm,2019)

Peranan juruhebah juga penting ketika bersiaran. Adab perlu menjadi keutamaan dalam mengendalikan sesuatu rancangan. Mungkin ada pendengar yang terhibur dengan cara penyampaian, tetapi tidak kurang juga pendengar yang berasakan cara penyampaian juruhebah itu tidak beretika. Kajian radio yang dilakukan oleh Mohd Daly et al. (2011) memperlihatkan peranan radio sebagai sumber hiburan secara relatifnya adalah penting namun masyarakat mula menyatakan ketidakpuasan terhadap pemilihan lagu dan cara penyampaian juruhebah. Informan turut menambah bahawa sesuatu penyampaian itu perlu menjaga sensitiviti.

Orang kata kreatif itu kan ada tempat dia tapi bukan kata ini tak boleh kreatif ini, tidak.. Boleh, pengurusan sendiri dia tak menghalang cuma macam saya cakap tadi ada part-part yang kita kena jaga, isu sentiviti, kemasyarakatan sendiri. (PS02-SELANGORfm,2019)

Kadang-kadang dia orang ni pun dia kenakan pendengar tu sama macam tu je sebab sepatutnya pendengar ni kita tak boleh nak kenakan merekakan. Misal dia suruh menyanyi katakanlah, dia suruh okay cuba menyanyi sikit,

dia pun nyanyi... wah! suara macam ni kat tepi-tepi jalan la kan, sepatutnya tak bolehlah macam tu. (PE03-KELANTANfm,2019)

Penyampai atau juruhebah perlu dilatih tentang adab ketika bersiaran agar pendengar tidak tersinggung dengan bahan kandungan yang disampaikan. Perkara ini wajar menjadi keutamaan kepada setiap penyampai ketika bersiaran. Sebarang tanggapan negatif hanya akan mencalarkan reputasi stesen radio yang dinaungi. Adab dalam berbahasa perlu diutamakan bagi memenangi hati pendengar. Mantan Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran, Dato'Adilah Shek Omar (2010) pernah mengingatkan bahawa bahasa di radio ialah bahasa pertuturan, tetapi jangan sampai kita bercakap “tunggang terbalik”. Amat malang kerana hasrat pengurusan radio untuk melahirkan DJ impian tidak kesampaian. Masih banyak kekurangan . Masih ada DJ yang tidak membuat perancangan. Apabila tidak ada perancangan, tidak ada *talking points*, maka penyampaian pun hancur.

3.4 PENETAPAN NAMA RANCANGAN/SEGMEN

Peranan budaya juga mempengaruhi penerbit dalam menamakan sesuatu rancangan atau segmen yang akan siarkan. Informan bersetuju bahawa penetapan nama rancangan bercirikan budaya tempatan dirasakan lebih *catchy* dan mudah disebut. Nama berunsurkan budaya tempatan juga lebih mudah melekat diminda pendengar kerana unsur kedekatan. Hakikat ini turut diakui informan.

Kita punya segmen pun segmen kenegerian jugak “Yuk ngeteh” contohnyakan..... daripada situlah orang call nak cakap Jawa, kita punya DJ pun ada Jawa yang boleh bercakap Jawa. Ada DJ yang apa ni Bugis tu sikit-sikitlah boleh macam tu lah. (PJ02-JOHORfm,2019)

Kita mengambil daripada situ jugak, ‘Akok’ ni sebab orang Kelantan ramai suka jadi kita cuba create tajuk program tu dengan populariti kuih ‘Akok’ dan juga tajuk tu kita sinonimkan kepada orang Kelantan. (PE03-KELANTANfm,2019)

Rancangan ‘Akok’ adalah akronim bagi Apa Khabar Orang Kampung dan rancangan ini telah bersiaran sejak lebih 25 tahun yang lalu. Namun, popularitinya masih kekal hingga ke hari ini dan merupakan antara rancangan yang paling digemari pendengar radio KELANTANfm. Selain ‘Akok’, satu lagi rancangan yang digemari pendengar KELANTANfm ialah ‘Cekok’. Sebutannya yang ringkas dan *catchy*, nyata berjaya menambat hati pendengar-pendengar muda di negeri itu.

‘Cekok’. Ini sebab kita melihat kepada permintaan orang-orang muda. Orang-orang muda yang lebih yang dia dia rasa kita nak jugak program macam...nak untuk apa ni golongan kita orang muda. ‘Cekok’ tu pun Cerita Kita Orang Kelantan singkatan kepada program. (PE03-KELANTANfm,2019)

3.5 ELEMEN LAGU/MUZIK

Radio muncul sebelum penciptaan televisyen, komputer, telefon pintar dan pelbagai alatan komunikasi canggih pada abad ini. Radio juga merupakan medium utama perhubungan, penyampaian maklumat dan hiburan. (Pease, 2018). Khan dan Pembecioglu (2015) dalam Intan Soliha (2020) mencadangkan agar kandungan radio seharusnya seimbang dalam menyalurkan program berunsurkan pendidikan, maklumat dan hiburan kepada masyarakat.

Muzik dan lagu adalah aparatus kepada pengembangan semangat nasionalisme dan ia merupakan wahana yang menyebarkan jenama Malaysia. Inilah yang menjadi perkara asas yang tidak boleh dipisahkan atau diabaikan apabila meneliti peranan muzik di dalam usaha berterusan sesebuah negara (*state*) menjenamakan bangsa idamannya. Penelitian sebegini hanya dapat dilakukan dengan sempurna apabila sejarah kepelbagaian persembahan muzik di Malaysia disingkap kerana ia memberi gambaran tentang riwayat keturunan masyarakatnya. (Shazlin Amir Hamzah, 2017)

Bagi informan pula, sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menyiarlagu-lagu tradisi tempatan bagi menarik perhatian pendengar. KELANTANfm misalnya, lebih separuh daripada lagu-lagu yang disiarkan dalam segmen atau programnya adalah lagu-lagu berunsurkan tempatan terutamanya dikir barat. Penjelasannya adalah seperti berikut:

60% tu termasuk dengan lagu-lagu negerilah. Lagu-lagu negeri ni kita siarkan mengikut program ataupun segmen-segmen tertentu..... contohnya dalam program untuk kita menyiarlagu loghat lagu-lagu dialek tempatan kita siarkan dalam program ‘Akok’ yang ke udara pukul 2 petang hingga pukul 5 petang, 6 petang yang tu kebanyakannya kita siarkan lagu-lagu biasa ada jugak tapi kebanyakannya lagu-lagu loghat tempatan, lagu-lagu dikir barat yang kita kita nak menyubur seni budaya tempatan tu.
(PE01-KELANTANfm,2019)

Penjelasan informan dari KELANTANfm ini turut dipersetujui oleh informan dari JOHORfm.

Dari segi penyiaran lagu-lagu pun lagu-lagu yang berunsurkan kenegerian kita wajibkan di setiap jam pada 18 jam siaran kita. Kita 18 jam sehari. So, kita dah tentukan macam time check pukul 7 mesti ada lagu ni.
(PJ02-JOHORfm,2019)

Kepelbagaian suku kaum dan budaya di Malaysia diwarnai oleh pelbagai rentak dan irama muzik tradisi suku-suku kaum tersebut yang mempunyai keunikannya tersendiri serta menjadi warisan mereka dan negara. Justeru sudah sewajarnya muzik genre ini dipupuk, diketengah serta dimajukan kerana muzik tradisi juga mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada negara, sebagai perlambangan identiti bangsa dan cerminan ketamadunan, di samping aset penting bagi industri pelancongan. Muzik tradisi juga perlu dipelihara agar warisan negara tidak hilang ditelan zaman. (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia - Dasar dan Strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia, 2005) Pernyataan ini jelas menegaskan betapa pentingnya muzik tradisi dipertahankan dalam menghadapi arus pemodenan. Tegasnya lagi, khazanah rentak muzik tradisional Malaysia seperti ghazal, zapin, joget, inang, asli, etnik Sarawak dan Sabah dan sebagainya, mampu dijadikan jenama muzik Malaysia jika pandai disesuaikan dengan rentak kontemporari antarabangsa.

4. KESIMPULAN

Budaya itu indah. Budaya merupakan aset sesuatu bangsa yang harus dipelihara dan dijadikan khazanah untuk tatapan generasi akan datang. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati peranan budaya dalam siaran radio masih lagi penting dan relevan dalam meningkatkan populariti dan menarik perhatian pendengar untuk mendengar siaran radio RTM Negeri kerana hampir semua informan yang ditemui mengemukakan pandangan yang serupa. Justeru, stesen radio RTM Negeri seharusnya mengambil peluang ini untuk memantapkan lagi mutu kandungan siaran mereka kerana stesen radio RTM Negeri ini mempunyai pengikutnya yang tersendiri.

Radio RTM Negeri mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar kepada agama, bangsa dan negara. Radio sewajarnya tidak lagi dipandang sekadar alat penyebar maklumat dan hiburan. Lebih dari itu, radio selayaknya dijadikan sebagai alat membawa pesanan untuk menyubur budaya bangsa agar tidak dilupakan. Radio dan budaya tidak boleh lagi dipisahkan jika kita ingin melihat masyarakat Malaysia yang progresif dan berbudaya. Radio seharusnya tidak lagi ketinggalan dalam membawa mesej mengenai budaya demi membentuk masyarakat Malaysia yang sejahtera. Lebih banyak paparan budaya disiarkan, pastinya akan memberi kesan kepada pemikiran masyarakat untuk menghargai budaya warisan leluhur mereka.

The successful station is more than the sum of its programmes, it understands and values the nature of this relationship – and the role which it has for its community as both leader and servant. (Robert McLeish, 2005)

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adilah Shek Omar (2010) *Radio Oh Radio!* Dicapai pada 28 April 2020 dari <http://adilahshekomar.blogspot.com/2010/03/radio-oh-radio.html>
- Baharuddin & Mohamad Nazli (2014) *Islam Dan Kebudayaan Melayu Di Era Globalisasi Di Malaysia* Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu - Ilmu Sosial dan Budaya , Vol. 10, No 1 Januari - Jun 2014
- Geertz, C. (2009) *Tafsiran Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Guimary, L.D. (1974) *Information Campaigns in a Development Nation*. Kuala Lumpur: Ministry of Information.
- Imam. (2015). *Masyarakat dan Budaya*. Jurnal Masyarakat dan Budaya, 18(3)
- Intan Soliha Ibrahim (2020) *Peranan, Kandungan & Penyampaian Radio dalam Arus Pendigitalan di Malaysia* Jurnal Komunikasi Borneo 2020 Vol. 8
- Jamiah Manap (2019) *Kerelevan Siaran Radio Terhadap Remaja Generasi Z di Malaysia* Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid 35(2)
- Kamus Dewan (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (2005) *Dasar dan Strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Dicapai pada 14 Oktober 2020 dari https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/dasar_industri_muzik.pdf
- Koentjaraningrat (1970) *Pengantar Sosiologi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara

- McLeish R, (2005) *Radio Production 5th Ed.* Oxford: Elsevier
- Md Azalanshah Md Syed & Mohd Nazri Ibrahim (2018) *Literasi Media, Cabaran Penyiaran Sosial dan Kelangsungan Industri Televisyen di Malaysia* Forum Komunikasi Vol. 13, No. 1, 15-40, 2018 Dicapai pada 14 Oktober 2020 dari https://www.researchgate.net/publication/327971029_Literasi_Media_Cabaran_Penyiaran_Sosial_dan_Kelangsungan_Industri_Televisyen_di_Malaysia
- Misliyah Rusli & Shazlin Amir Hamzah (2016) *Radio Dan Orang Asli: Menelusuri Peranan Siaran Asyik Fm Di Penempatan Pedalaman Etnik Semai Di Pos Titom, Lipis, Pahang* Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 11, No. 2
- Mohd Daly Daud, Rahmahtunnissah Haji Sailin, Nursyamimi Harun, Md Rozalafri Johori & Faizatulshima (2011). *Kajian Penerimaan Pendengar Terhadap Siaran Radio Negeri FM*. Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nickyson Nyambar (2020) *Industri Radio Masih Relevan Dalam Kalangan Rakyat*. Dicapai pada 17 Oktober 2020 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/industri-radio-masih-relevan-dalam-kalangan-rakyat-230618>
- Pease, E.C. et.al (2018). *Radio - The Forgotten Medium*. Somerset: Routledge.
- Shazlin A.H (2017) *Peranan Lagu-lagu Patriotik Popular dalam Penjenamaan Bangsa Malaysia*. Manusrip ICIP, Dicapai pada 17 Oktober 2020 dari <https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/10.Manuskip-ICIP.Dr-Shazlin.pdf>
- Sulaiman Masri (1983) *Peranan Media Massa di Negara-Negara Membangun*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Thomas J. Sullivan. (1997). *Pengantar Sosiologi*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Wan Abdul Kadir (2006) *Ucaptama: Identiti Budaya dalam Pembangunan Industri Budaya*, Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. Dicapai pada 17 Oktober 2020 dari <http://eprints.um.edu.my/8625/1/All.pdf>
- William L. Reese. (1980) *Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern & Western Thought*. New Jersey: Humanities Press Inc.,
- Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (2013). *Mass Media Research: An Introduction*. Australia: Wadsworth Cengage
- Zainal Kling (1985), *Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff & Zainal Abidin Borhan, Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.